



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

TEKS UCAPAN ALUAN

**TUAN NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU**

SEMPENA:

**PROGRAM SEMINAR ESG & PEMERKASAAN DIRI:
KUASA DI TANGAN ANDA.**

ANJURAN:

**JAWATANKUASA COAST
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**TARIKH:
13 OGOS 2025 (RABU)**

**TEMPAT:
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

Terima kasih pengacara majlis. Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,
Salam Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia Menggamit Dunia dan
Bijak Laksana Tuah Berani Laksana Jebat.

Yang Berusaha Puan Mariati Binti Che Omar

Pengurus Besar

Retail Division, Tenaga Nasional Berhad.

Yang Berusaha Encik Lee Lim Bee Yoke

Head Customer Communication Stakeholder Liaison

Yang Berusaha En Amiza bin Mohd Aris

Manager Stakeholder Liaison

Yang Berusaha Puan Faridatuljana binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah Akademik

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

Yang Berusaha:

- a) Para penceramah jemputan,
- b) Wakil-wakil Industri yang terlibat,
- c) Pensyarah, kakitangan, Ahli Jawatankuasa dan para pelajar yang dikasihi sekalian.

PEMBUKA BICARA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun di dewan ini bagi menjayakan Program Seminar ESG & Pemerkasaan Diri: Kuasa Di Tangan Anda anjuran PMM.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Puan Mariati binti Che Omar** atas kesudian hadir bagi merasmikan program pada hari ini.
3. Saya juga mewakili Politeknik Merlimau Melaka, amat mengalu-alukan kehadiran para wakil industri yang terlibat iaitu daripada **Tenaga Nasional Berhad (TNB), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Suruhanjaya Tenaga serta *Melaka Green Technology Corporation***.
4. Pada masa yang sama, saya amat berbesar hati menyambut kehadiran jemputan daripada sekolah-sekolah berhampiran, melibatkan seramai **230 orang peserta**- terdiri daripada **220 pelajar PMM, 20 orang pelajar dan 4 orang guru pengiring dari SK Merlimau 2 dan SJK Tamil Merlimau**.
5. Saya dimaklumkan bahawa terdapat **EMPAT** program berbeza yang berlangsung pada lokasi berasingan pada hari ini.
 - **Dewan Titanium** yang kita duduki ini, berlangsung majlis perasmian, diikuti dengan ceramah-ceramah berkaitan

kecekapan, keberkesanan, dan aspek keselamatan dalam penggunaan tenaga yang akan disampaikan oleh penceramah-penceramah handalan iaitu Encik Nor Azmi bin Safar (Customer Service-Melaka Timur), Encik Mohamad Izmir Farhan bin Mohamad Radzi (Customer Engagement), Ir. Ts. Mohd Khairul Fikri bin Mohd Salleh (TNB Training Engineer) dan En. Muhammad Jais bin Gimin Pensyarah Utama JKM PMM.

- **Dewan Al-Biruni, Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)**, berlangsung Ceramah Pengurusan Bidang Air dan KWSP yang melibatkan 120 orang pelajar PMM.
- **Dataran Jabatan Kejuruteraan Awam**, diadakan Aktiviti Pengurusan Alam Sekitar dan Landskap melalui penanaman herba, disertai oleh 23 orang pelajar JKA PMM.
- **Rumah Kayu COAST PMM**, berlangsung Aktiviti Pengurusan Sisa Toner yang melibatkan 24 orang pelajar Jabatan Perdagangan dan Hospitaliti (JPH) PMM.

6. Justeru, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jawatankuasa terlibat atas usaha menganjurkan program yang begitu bermakna ini. Sesungguhnya, PMM sentiasa komited menganjurkan program yang mendukung pendekatan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) secara mampan demi manfaat bersama.

PEMERKASAAN ESG DALAM TVET

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

7. *ESG* atau *Environmental, Social and Governance* merupakan satu rangka kerja yang menilai sejauh mana sesebuah organisasi, termasuk institusi pendidikan, mengambil kira kelestarian alam sekitar, tanggungjawab sosial, dan tadbir urus yang baik. Dalam konteks TVET, *ESG* bukan sahaja menjadi panduan, malah menjadi penentu daya saing graduan kita di pasaran kerja masa hadapan.
8. Generasi muda hari ini memikul peranan penting sebagai agen perubahan yang mampu mencorak masa depan negara. Dengan kefahaman mendalam tentang *ESG*, impak positif mampu diterjemahkan dalam persekitaran, masyarakat dan struktur tadbir urus yang lebih telus dan beretika.
9. Justeru, *ESG* tidak lagi eksklusif kepada sektor korporat. Bahkan, ia merupakan komponen strategik dalam melahirkan generasi pemimpin yang bertanggungjawab, progresif dan berdaya saing.
10. Di PMM sendiri, pelbagai program berkaitan kelestarian tenaga dan alam telah dianjurkan pada tahun ini bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan *ESG* dalam tadbir urus institusi. Antara program berimpak tinggi yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini ialah **Green on Campus: Warga PMM Cakna Kelestarian Alam Sekitar**, yang telah disempurnakan oleh Dr. Zamzam bin Mohd. Walid, Pengarah Bahagian Kurikulum, JPPKK. Program ini bertujuan menaik taraf dan mengoptimumkan penggunaan Taman Tasik PMM, serta berjaya menarik penyertaan ramai pihak

termasuk industri yang tampil sebagai penyumbang.

11. Selain itu, PMM juga telah membuktikan komitmennya dengan meraih pelbagai anugerah dalam *GPM Sustainability Awards 2024* yang disampaikan pada Januari 2025. Antara pengiktirafan yang membanggakan termasuk *Project of The Year* bagi kategori *Project Excellence*, serta tiga projek lain yang tersenarai sebagai *Sustainability Leadership*. Projek-projek tersebut adalah:

PROJECT EXCELLENCE - *Green on Campus*: Jom Kitar Semula
Minyak Masak Terpakai

SUSTAINABILITY LEADERSHIP - *Green on Campus*:

Pertandingan Memancing dan Menyemai
Benih Pokok Melaka di Tasik PMM

SUSTAINABILITY LEADERSHIP - *Green on Campus*: Kenduri
Sekampus

SUSTAINABILITY LEADERSHIP - *Automatic Solar Pump for
Watering System with Monitoring*

12. Kejayaan-kejayaan ini jelas membuktikan bahawa usaha PMM dalam melestarikan tadbir urus merupakan agenda utama institusi.

PENUTUP BICARA

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian,

13. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan seminar pada hari ini. Syabas atas kolaborasi cemerlang PMM bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB), SmartGreen POLYCC dan Malaysia Energy Literacy Program (MELP). Saya yakin seminar ini mampu menjadi pemangkin ilmu, inspirasi dan kesedaran dalam kalangan peserta untuk tampil sebagai generasi TVET yang lebih peka terhadap kelestarian alam serta kepimpinan berwibawa, selaras dengan keperluan masa hadapan negara.
14. Dengan ini, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.